



KERTAS KONSEP
KLINIK KEJURULATIHAN ASAS BADMINTON
(SIRI I & II)

Disediakan Oleh:

Unit Pembangunan Sukan Teras
Cawangan Pembangunan dan Kemajuan Sukan
Bahagian Pembangunan Sukan
Jabatan Belia dan Sukan Negara
Kementerian Belia dan Sukan

KERTAS KONSEP

KLINIK KEJURULATIHAN BADMINTON PERINGKAT KEBANGSAAN

1. Pendahuluan

- 1.1 Nama Malaysia di arena seni badminton tidak perlu diperkenalkan lagi kerana bukan hanya di peringkat Asia, malahan di peringkat antarabangsa Malaysia dikenali sebagai salah sebuah negara yang mendominasi sukan ini. Saban tahun Malaysia akan melahirkan muka-muka baru yang mampu menjulang nama Malaysia di persada dunia.
- 1.2 Bagi melahirkan juara-juara baru, sudah pasti negara memerlukan jurulatih-jurulatih yang benar-benar berkaliber contohnya seperti Datuk Haji Misbun Dato' Haji Sidek yang berjaya membawa beberapa pemain menjadi juara di peringkat antarabangsa seperti adik beliau sendiri, Haji Abdul Rashid Dato' Haji Sidek, Haji Muhammad Roslin Hashim, Hafiz Hashim dan kini Datuk Lee Chong Wei.

2. Pengenalan

- 2.1 Klinik Kejurulatihan Asas Badminton Peringkat Kebangsaan merupakan program asas kejurulatihan badminton yang akan memberi tunjuk ajar kepada jurulatih-jurulatih dalam melatih generasi muda negara terutama yang berumur di antara 9 hingga 12 tahun.
- 2.2 Klinik ini penting kerana bukan mudah untuk melatih golongan muda di bawah umur 12 tahun yang rata-ratanya sudah tentu mempunyai pelbagai kerenah. Sekiranya jurulatih-jurulatih tidak mampu untuk memikul tanggungjawab ini dengan baik, ramai dikalangan anak muda ini akan meninggalkan sukan yang banyak mengharumkan nama negara dan sekaligus menyukarkan lagi proses pencarian bakat baru di peringkat akar umbi.

3. Objektif

- 3.1 Untuk memberi tunjuk ajar kepada jurulatih-jurulatih bagaimana bagi mengajar dan melatih mereka yang di bawah umur 12 tahun.
- 3.2 Membantu jurulatih-jurulatih untuk memahami teknik pengajaran yang sesuai dalam mendidik generasi muda.

- 3.3 Menyahut seruan kerajaan khususnya YAB Perdana Menteri yang mahukan seluruh rakyat untuk sama-sama melakukan transformasi buat negara termasuk sukan negara dengan semangat 'Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.
- 3.4 'Smart Partnership' kepada Kelab Badminton Nusa Mahsuri dalam melahirkan jurulatih-jurulatih yang berkaliber dan diketengahkan ke peringkat lebih tinggi lagi.

4. Cadangan Tarikh dan Tempat Pelaksanaan

Cadangan tarikh dan tempat pelaksanaan adalah seperti berikut :

BIL	NAMA PROGRAM	LOKASI	TARIKH
1.	Klinik Kejurulatihan Asas Badminton (Siri I)	Putrajaya*	9-11 Mac (Jumaat-Ahad) *
2.	Klinik Kejurulatihan Asas Badminton (Siri II)	Dewan Serbaguna IKBN Kinarut, Kota Kinabalu, Sabah	2-4 Mac (Jumaat-Ahad)

5. Penganjuran

Program ini akan dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Sukan (BPS), Jabatan Belia dan Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri WP Kuala Lumpur dan Sabah, Institut Kemahiran Belia Negara Kinarut, Kelab Badminton Nusa Mahsuri (NMBC) serta Institut Sukan Negara (ISN).

6. Syarat-Syarat Am Penyertaan

Para peserta yang dicadang menyertai program ini hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- 6.1 Lelaki atau perempuan;
- 6.2 Peserta mestilah mempunyai asas permainan badminton dan mempunyai minat dalam melatih bakat-bakat baru;
- 6.3 Keutamaan diberikan kepada mereka yang sedang menjadi jurulatih badminton di peringkat sekolah atau mana-mana institusi pendidikan;

- 6.4 Setiap peserta dikehendaki membawa keperluan asas sebagaimana pemain badminton termasuk raket dan berpakaian sebagai pemain badminton ketika menjalani klinik; dan
- 6.5 Pendaftaran peserta boleh dibuat menerusi Bahagian Pembangunan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Jabatan Belia dan Sukan Sabah atau Nusa Mahsuri sendiri.

7. Makan Minum

- 7.1 Makan minum peserta, pegawai teknikal/jurulatih dan penceramah akan disediakan oleh penganjur (BPS, JBS, IKBN). Cadangan pemakanan disepanjang program ini adalah seperti di **Lampiran B**.

8. Penginapan Peserta dan Teknikal

- 8.1 Penginapan peserta adalah dicadangkan di Asrama Kompleks Sukan Kg. Pandan dan juga Asrama Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kinarut.
- 8.2 Manakala penginapan bagi pegawai teknikal/jurulatih dan penceramah adalah dicadangkan disediakan disekitar atau berhampiran dengan pusat latihan atau kem tersebut.

9. Pengangkutan

- 9.1 Tambang dan pengangkutan peserta ke program ini adalah di bawah tanggungan peserta itu sendiri
- 9.2 Sekiranya tempat penginapan peserta adalah berjauhan dengan tempat latihan, maka pihak penganjur (BPS, JBS, IKBN) akan menyediakan pengangkutan dari penginapan ke tempat latihan.

10. Modul Latihan

- 10.1 Program latihan ini akan diselaraskan oleh Kelab Badminton Nusa Mahsuri dengan diketuai oleh Ketua Jurulatih Nusa Mashuri iaitu Hj. Abdul Rahman Bin Dato Hj. Sidek dan dibantu oleh Dato' Hj. Misbun Bin Dato' Hj. Sidek serta lain-lain jurulatih Nusa Mahsuri yang sesuai. (Ringkasan Modul latihan seperti di **Lampiran C**)
- 10.2 Dalam menerapkan cara pemakanan sihat dan bagaimana menangani kecederaan dalam sukan (*injury management*) dikalangan bakal-bakal pelapis muda ini yang

pastinya akan membantu mereka di masa akan datang, khidmat nasihat pemakanan dan pengurusan kecederaan akan dipohon daripada Institut Sukan Negara (ISN).

11. Anggaran Perbelanjaan

Anggaran Perbelanjaan bagi kem ini adalah seperti di **Lampiran D1** dan **D2**.

12. Penutup

Diharapkan Klinik Kejurulatihan Asas Badminton ini akan mencapai objektif seperti yang dirancang sekaligus akan dapat menggerakkan latihan-latihan badminton di kawasan masing-masing di dalam usaha untuk menggalakkan pembudayaan sukan di seluruh negara. Diharapkan juga, Klinik ini akan dapat melahirkan jurulatih-jurulatih yang berkaliber dan mampu diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

LAMPIRAN C

MODUL KLINIK KEJURULATIHAN ASAS BADMINTON SIRI I DAN II


HARI	MASA	AKTIVITI	TINDAKAN
Pertama	2.00 ptg – 3.30 ptg	Pendaftaran peserta	BPS/JBS/IKBN
	3.30 ptg – 4.00 ptg	Taklimat	BPS/JBS/IKBN
	4.00 ptg – 6.00 ptg	Asas Pemakanan Atlit I/II	ISN
	6.30 ptg – 8.15 mlm	Makan Malam/Solat Isyak	JBS/IKBN
	8.30 mlm – 10.30 mlm	Menangani Kecederaan Dalam Sukan (Sports Injury)	ISN
Kedua	6.00 pg – 6.30 pg	Solat Subuh	JBS/IKBN
	6.30 pg – 7.30 pg	Senam Cergas	Nusa Mahsuri
	7.30 pg – 8.00 pg	Sarapan	JBS/IKBN
	8.00 pg – 12.00 tgh	Teknikal/Kerja Kemahiran	Nusa Mahsuri
	12.00 tgh – 2.30 ptg	Makan Tengahari / Solat Zohor	JBS/IKBN
	2.30 ptg – 6.30 ptg	Shuttle Drill	Nusa Mahsuri
	7.00 mlm – 8.15 mlm	Makan Malam/Solat Maghrib/Solat Isyak	JBS/IKBN
	8.30 mlm – 10.30 mlm	Motivasi	Nusa Mahsuri
Ketiga	6.00 pg – 6.30 pg	Solat Subuh	JBS/IKBN
	6.30 pg – 7.30 pg	Senam Cergas	Nusa Mahsuri
	7.30 pg – 8.00 pg	Sarapan	JBS/IKBN
	8.00 pg – 11.00 pg	Sesi Dialog	Nusa Mahsuri
	11.00 pg	Majlis Penutup/Bersurai	BPS/JBS/IKBN

**TARIKH PELAKSANAAN PROGRAM KERJASAMA
KBS – NUSA MAHSURI TAHUN 2012**

BIL	NAMA PROGRAM	LOKASI	TARIKH
1.	Klinik Kejurulatihan Asas Badminton (Siri I)	Kuala Lumpur	9-11 Mac (Jumaat-Ahad)
2.	Klinik Kejurulatihan Asas Badminton (Siri II)	Kota Kinabalu, Sabah	2-4 Mac (Jumaat-Ahad)
3.	Kem Bakat Badminton Prkt. Negeri	Selangor	14-16 Dis (Jumaat-Ahad)
4.		Negeri Sembilan	16-18 Mac (Jumaat-Ahad)
5.		Kelantan	29-31 Mac (Khamis-Sabtu)
6.		Melaka	13-15 April (Jumaat-Ahad)
7.		Pulau Pinang	27-29 Apr (Jumaat-Ahad)
8.		Perlis	8-10 Jun (Jumaat-Ahad)
9.		Sabah	22-24 Jun (Jumaat-Ahad)
10.		WP Kuala Lumpur	6-8 Julai (Jumaat-Ahad)
11.		Sarawak	7-9 Sept (Jumaat-Ahad)
12.		WP Labuan	21-23 Sept (Jumaat-Ahad)
13.		Johor	12-14 Okt (Jumaat-Ahad)
14.		Perak	19-21 Okt (Jumaat-Ahad)
15.		Kedah	1-3 Nov (Khamis-Sabtu)
16.		Terengganu	22-24 Nov (Khamis-Sabtu)
17.		Pahang	7-9 Dis (Jumaat-Ahad)

KLINIK KEJURULATIHAN ASAS BADMINTON SIRI I /SIRI II

MAKLUMAT PESERTA

Nama : 

No. Kad :

Umur :

Jantina :

Bangsa :

Alamat Tetap :
.....
.....

No Tel : Rumah : HP:

Pekerjaan :

Nama dan Alamat Pejabat :.....
.....
.....

No. Telefon Pejabat : No. Faksimili :

MAKLUMAT WARIS

(Waris yang dihubungi jika berlaku kecemasan)

Nama :

Hubungan :

No. Telefon :